

PRINCIPLES GOVERNING THE USE OF EXPERT OPINION EVIDENCE UNDER ISLAMIC JURISPRUDENCE AND THE MALAYSIAN SYARIAH COURT LEGAL FRAMEWORK

PRINSIP PEMAKAIAN KETERANGAN PENDAPAT PAKAR MENURUT FIQH ISLAM DAN PERUNDANGAN DI MAHKAMAH SYARIAH MALAYSIA

Mohd Sabree Nasriⁱ, Mohamad Afandi Md Ismailⁱⁱ, Abdul Karim Ibrhimⁱⁱⁱ, Mohamad Azhan Yahya^{iv} & Muhammad Anas Ibrahim^v

ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang. sabreenasri@uitm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA. mohamadafandi@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Undang-undang, Governan & Hubungan Antarabangsa, Universiti Islam Melaka. abdulkarim@unimel.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia. azhan@ukm.edu.my

^v Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang. anasibrahim@uitm.edu.my

Article Progress

Received: 8 July 2026

Revised: 28 July 2026

Accepted: 15 August 2026

Abstract	<i>Expert opinion evidence has become an increasingly important mode of proof in judicial proceedings, particularly in cases involving specialised knowledge or technical expertise. Although the Syariah Court Evidence Enactments provide for the admissibility of expert opinion evidence, no study has systematically identified and compared the principles governing its use from the perspectives of Islamic jurisprudence and Malaysian Syariah court law. Accordingly, this article aims to analyse the principles governing the use of expert opinion evidence under these two legal sources. This study adopts a qualitative approach using a doctrinal legal research design. Data were collected through library research and analysed using content analysis and comparative analysis of Islamic legal sources, statutory provisions, practice directions, judicial decisions, and relevant academic literature. The findings identify five fundamental principles under Islamic jurisprudence and five corresponding principles under Malaysian Syariah court law. The analysis further reveals that while both systems share a common objective of ensuring the proper use of expert opinion evidence, they differ in their substantive and procedural approaches. This study contributes by systematically synthesising these principles into a coherent analytical framework, thereby providing a useful reference for strengthening evidential practices and the application of expert opinion evidence in the Malaysian Syariah Courts.</i> Keywords: <i>Expert, Opinion, Evidence, Syariah, Courts.</i>
Abstrak	<i>Keterangan pendapat pakar merupakan salah satu kaedah pembuktian yang semakin penting dalam sistem kehakiman, khususnya bagi menyelesaikan isu-</i>

	<i>isu yang melibatkan pengetahuan atau kemahiran khusus. Walaupun Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah memperuntukkan penerimaan keterangan pendapat pakar, masih belum terdapat kajian yang menghimpunkan dan membandingkan secara sistematik prinsip-prinsip pemakaiannya menurut fiqh Islam dan perundangan Mahkamah Syariah Malaysia. Justeru, artikel ini bertujuan menganalisis prinsip-prinsip pemakaian keterangan pendapat pakar menurut kedua-dua sumber tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian doktrinal dengan kaedah kajian kepustakaan, analisis kandungan dan analisis perbandingan terhadap sumber-sumber fiqh, peruntukan undang-undang, arahan amalan, keputusan mahkamah dan penulisan akademik yang berkaitan. Dapatan kajian mengenal pasti lima prinsip utama menurut fiqh Islam dan lima prinsip utama menurut perundangan Mahkamah Syariah Malaysia. Analisis turut menunjukkan bahawa kedua-dua sistem mempunyai persamaan dari segi matlamat, namun berbeza dari sudut pendekatan substantif dan prosedural dalam pemakaian keterangan pendapat pakar. Kajian ini menyumbang kepada penghimpunan dan sintesis prinsip-prinsip tersebut secara sistematik sebagai rujukan dalam memperkukuh amalan pembuktian serta pemakaian keterangan pendapat pakar di Mahkamah Syariah Malaysia.</i> Kata kunci: Pakar, Pendapat, Keterangan, Syariah, Mahkamah.
--	--

PENDAHULUAN

Keterangan pendapat pakar merupakan salah satu kaedah pembuktian yang semakin penting dalam sistem kehakiman berikutan perkembangan pesat sains, teknologi dan pelbagai bidang kepakaran profesional. Di Mahkamah Syariah Malaysia, keperluan terhadap keterangan ini semakin meningkat dalam kes-kes yang melibatkan isu teknikal seperti analisis dalam bidang sains forensik (Muhammad Hazim et al., 2020).

Perkembangan tersebut turut mendorong Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) mengeluarkan arahan amalan berkaitan pengemukaan dan penerimaan bukti forensik dalam prosiding di Mahkamah Syariah (JKSM, 2020). Walaupun Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri telah memperuntukkan penerimaan keterangan pendapat pakar melalui Seksyen 33, penerimaannya masih tertakluk kepada prinsip-prinsip tertentu bagi menjamin kebolehpercayaan, kerelevanan dan keadilan dalam proses pembuktian (Ruzman, 2012; Habibah et al., 2015; Ahmad Ibrahim, 1996).

Oleh itu, penelitian terhadap prinsip-prinsip pemakaian keterangan pendapat pakar menjadi penting bagi memastikan penggunaannya selaras dengan kehendak fiqh Islam dan kerangka perundangan Mahkamah Syariah Malaysia. Kajian mengenai keterangan pendapat pakar telah berkembang dalam pelbagai dimensi, namun masih terdapat kekosongan yang memerlukan penelitian secara lebih sistematik.

Secara umumnya, kajian terdahulu boleh dibahagikan kepada tiga tema utama. Pertama, kajian yang meneliti konsep, kedudukan dan kebolehterimaan keterangan pendapat pakar menurut fiqh Islam dan undang-undang keterangan dengan memberi penekanan kepada definisi, syarat serta nilai pembuktiannya (Athirah et al., 2021; Lukman et al., 2018; Mohd Sabree & Ruzman, 2020).

Kedua, kajian yang memfokuskan aplikasi keterangan pendapat pakar dalam bidang-bidang tertentu seperti analisis DNA, sains forensik, psikologi, perubatan dan teknologi digital dalam prosiding Mahkamah Syariah (Shofian, 2019; Wan Abdul Fattah et al., 2021; Mohd Sabree & Ruzman, 2024). Ketiga, kajian yang membincangkan kelayakan, kompetensi serta peranan saksi pakar dalam membantu mahkamah membuat penentuan fakta berdasarkan peruntukan undang-undang dan keputusan-keputusan kehakiman (Mohamad Azhan et al., 2026; Abdul Basir & Nurbazla, 2021; Nurbazla et al., 2021).

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian tersebut lebih tertumpu kepada aspek konsep, kebolehterimaan atau aplikasi dalam bidang tertentu, tanpa menghimpunkan dan menganalisis secara komprehensif prinsip-prinsip yang menjadi asas pemakaian keterangan pendapat pakar menurut fiqh Islam serta hubungannya dengan kerangka perundangan Mahkamah Syariah Malaysia. Kekurangan ini menyebabkan masih belum wujud suatu kerangka prinsip yang tersusun sebagai panduan dalam menilai penerimaan dan kekuatan keterangan pendapat pakar dalam proses pembuktian.

Artikel ini bertujuan mengisi jurang penyelidikan tersebut dengan menganalisis prinsip-prinsip pemakaian keterangan pendapat pakar menurut fiqh Islam dan perundangan di Mahkamah Syariah Malaysia. Bagi mencapai tujuan tersebut, artikel ini berusaha menjawab tiga persoalan utama. Pertama, apakah prinsip-prinsip yang menjadi asas kepada pemakaian keterangan pendapat pakar menurut fiqh Islam? Kedua, bagaimanakah prinsip-prinsip tersebut diterapkan dalam kerangka perundangan Mahkamah Syariah Malaysia?

Ketiga, sejauh manakah terdapat persamaan dan perbezaan antara prinsip-prinsip fiqh Islam dengan prinsip-prinsip yang diterima dalam perundangan semasa berkaitan pemakaian keterangan pendapat pakar? Artikel ini berasaskan tiga hujah utama. Pertama, fiqh Islam telah menggariskan prinsip-prinsip yang jelas dan komprehensif sebagai asas kepada pemakaian keterangan pendapat pakar bagi memastikan sesuatu pendapat dikemukakan oleh individu yang benar-benar mempunyai kepakaran, memenuhi kehendak syarak dan mampu membantu hakim mencapai keadilan.

Kedua, prinsip-prinsip tersebut pada asasnya mempunyai hubungan yang rapat dengan kerangka perundangan Mahkamah Syariah Malaysia, namun pendekatan perundangan memberikan penekanan yang berbeza terhadap aspek kelayakan pakar, kebolehterimaan keterangan dan kuasa mahkamah dalam menilai “nilai *probative*” sesuatu pendapat.

Ketiga, analisis perbandingan antara fiqh Islam dan perundangan semasa dapat membentuk suatu kerangka prinsip yang lebih sistematik bagi memperkukuhkan pemakaian keterangan pendapat pakar dalam proses pembuktian, sekali gus meningkatkan konsistensi dan integriti sistem kehakiman Syariah di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Konsep Keterangan Pendapat Pakar

Keterangan pendapat pakar merupakan salah satu bentuk keterangan yang diterima sebagai pengecualian kepada prinsip umum undang-undang keterangan yang lazimnya menolak keterangan berbentuk pendapat (Jal Zabdi, 2004). Secara asasnya, seseorang saksi hanya dibenarkan memberi keterangan mengenai fakta yang dilihat, didengar atau dialaminya sendiri.

Keterangan tersebut dikenali sebagai keterangan fakta (*evidence of fact*) kerana ia membuktikan kewujudan sesuatu fakta secara langsung (Sudipto & V. R. Manohar, 1993). Sebaliknya, keterangan pendapat (*opinion evidence*) ialah pandangan atau inferens yang dibuat oleh seseorang berdasarkan fakta yang diperhatikan (Nico & Reiner, 2011). Oleh sebab sesuatu pendapat tidak membuktikan fakta secara langsung, mahkamah pada umumnya tidak menerima keterangan tersebut sebagai bukti (Ruzman, 2015).

Walau bagaimanapun, pengecualian diberikan apabila sesuatu persoalan memerlukan pengetahuan, kemahiran atau pengalaman khusus yang berada di luar pengetahuan orang biasa (Habibah et al., 2015). Dalam keadaan sedemikian, pendapat seseorang yang mempunyai kepakaran boleh diterima bagi membantu mahkamah memahami sesuatu isu teknikal.

Daripada perspektif fiqh Islam, keterangan pendapat pakar dikenali sebagai *ra'y al-khabir*, iaitu pandangan yang diberikan oleh individu yang mempunyai kepakaran (*ahl al-khibrah*) dalam bidang tertentu (Ibn Qayyim, 1995). Konsep ini berasaskan prinsip merujuk kepada orang yang berpengetahuan apabila sesuatu perkara tidak dapat dipastikan melalui

pengetahuan biasa sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah al-Nahl ayat 43 dan Surah al-Anbiya' ayat 7 (Mohd Sabree & Ruzman, 2021).

Dalam perundangan Mahkamah Syariah Malaysia pula, konsep tersebut diterjemahkan melalui Seksyen 33 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah yang mengiktiraf penerimaan pendapat daripada individu yang mempunyai kemahiran khusus dalam sesuatu bidang (Mohamad Azhan et al., 2026). Oleh itu, fiqh Islam dan perundangan Malaysia sama-sama menerima keterangan pendapat pakar sebagai salah satu mekanisme pembuktian bagi membantu mahkamah memahami persoalan teknikal.

Walaupun bagaimanapun, kebanyakan kajian terdahulu lebih memfokuskan kepada definisi dan kebolehterimaan keterangan pendapat pakar, manakala penelitian terhadap prinsip-prinsip yang menjadi asas pemakaiannya masih belum dihuraikan secara sistematik, khususnya dalam konteks Mahkamah Syariah Malaysia.

Pengemukakan Keterangan Pendapat Pakar

Pengemukakan keterangan pendapat pakar berlaku apabila sesuatu pertikaian melibatkan persoalan yang memerlukan pengetahuan atau kemahiran khusus yang tidak dapat dijelaskan melalui keterangan fakta biasa. Dalam keadaan sedemikian, mahkamah memerlukan bantuan individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu untuk menerangkan aspek teknikal yang berkaitan dengan isu yang dipertikaikan.

Keterangan yang dikemukakan lazimnya berpandukan hasil analisis, pemeriksaan, penyelidikan atau pengalaman profesional yang dimiliki oleh pakar berkenaan (Steven & Michael, 2013). Oleh itu, pengemukakan keterangan pendapat pakar bertujuan membantu mahkamah memahami sesuatu fakta teknikal dengan lebih jelas, sekali gus membolehkan hakim membuat penilaian yang lebih tepat terhadap isu yang dipertikaikan (Nico & Reiner, 2011).

Dalam amalan kehakiman, keterangan tersebut lazimnya dikemukakan melalui laporan pakar, pemeriksaan lisan di mahkamah atau kedua-duanya sekali, bergantung kepada kehendak undang-undang dan fakta sesuatu kes. Dalam fiqh Islam, seseorang hanya boleh mengemukakan keterangan pendapat apabila mempunyai ilmu pengetahuan, pengalaman atau kemahiran yang diiktiraf dalam bidang berkaitan (Ahmad Fathī, 1962).

Para fuqaha menerima pandangan golongan pakar dalam pelbagai bidang seperti perubatan, penentuan nasab (*al-qā'if*), penilaian harta, tulisan tangan dan bidang teknikal yang lain apabila kepakaran tersebut diperlukan untuk membantu proses kehakiman (Ibn Farḥūn, 1995; Ibn Qayyim, 1995).

Pendekatan yang sama turut diterima dalam perundangan Mahkamah Syariah Malaysia melalui Seksyen 33 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah yang memperuntukkan bahawa pendapat seseorang yang mempunyai kemahiran khusus berdasarkan pendidikan, latihan atau pengalaman boleh diterima sebagai keterangan (Mahmud Saedon, 2003).

Penentuan sama ada seseorang itu layak diiktiraf sebagai pakar bergantung kepada penilaian mahkamah terhadap kompetensi individu tersebut berdasarkan fakta setiap kes. Walaupun aspek kelayakan dan pengiktirafan pakar telah banyak dibincangkan dalam kajian terdahulu, penelitian mengenai prinsip-prinsip yang menjadi asas kepada pemakaian keterangan pendapat pakar selepas ia dikemukakan masih kurang diberikan perhatian. Kekosongan ini menjadi asas kepada perbincangan dalam bahagian seterusnya.

Prinsip Pemakaian Keterangan Pendapat Pakar

Prinsip pemakaian keterangan pendapat pakar merupakan elemen penting dalam menentukan sama ada sesuatu pendapat boleh diterima dan diberikan nilai probatif dalam proses pembuktian. Dalam fiqh Islam, perbincangan mengenai prinsip-prinsip tersebut lazimnya dihuraikan secara tidak langsung melalui perbincangan berkaitan *ahl al-khibrah*, *qarīnah*, *bayyinah* dan kaedah-kaedah fiqh yang menjadi asas kepada proses kehakiman (Ibn Farḥūn, 1995; Ibn Qayyim, 1995).

Dalam perundangan moden pula, prinsip pemakaian keterangan pendapat pakar dibincangkan melalui aspek kerelevanan (*relevancy*), kebolehterimaan (*admissibility*), kebolehpercayaan (*reliability*) dan kompetensi pakar (*expert competence*) (Jal Zabdi, 2004; Nico & Reiner, 2011). Kajian-kajian di Malaysia turut membincangkan kedudukan keterangan pendapat pakar berdasarkan Seksyen 33 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah serta pemakaiannya dalam bidang tertentu seperti analisis DNA, sains forensik dan psikologi (Muhammad Hazim et al., 2019; Syazwan et al., 2021; Mohd Sabree et al., 2024).

Perkembangan ini menunjukkan bahawa prinsip pemakaian keterangan pendapat pakar semakin mendapat perhatian dalam penyelidikan undang-undang dan kehakiman. Walaupun pelbagai kajian telah membincangkan keterangan pendapat pakar daripada pelbagai perspektif, penelitian tersebut masih bersifat terpisah mengikut bidang kepakaran atau isu tertentu.

Sebahagian kajian menumpukan kepada kebolehterimaan pendapat pakar dalam kes-kes tertentu, manakala sebahagian yang lain memberi penekanan kepada kelayakan saksi pakar atau analisis terhadap sesuatu peruntukan undang-undang. Kajian-kajian tersebut turut membincangkan beberapa prinsip penting seperti kepakaran, kebolehpercayaan, kerelevanan dan penilaian mahkamah terhadap pendapat pakar, namun perbincangan tersebut tidak dihimpunkan dalam satu kerangka analisis yang menyeluruh.

Selain itu, perbandingan secara sistematik antara prinsip-prinsip yang dibangunkan dalam fiqh Islam dengan prinsip-prinsip yang diterima dalam perundangan Mahkamah Syariah Malaysia masih kurang diberikan perhatian. Justeru, masih wujud kekosongan dalam literatur berhubung pembentukan suatu kerangka prinsip pemakaian keterangan pendapat pakar yang berasaskan analisis fiqh Islam dan perundangan.

Kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut melalui analisis perbandingan terhadap kedua-dua sumber berkenaan sebelum mencadangkan suatu kerangka prinsip yang lebih sistematik bagi pemakaian keterangan pendapat pakar di Mahkamah Syariah Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini bertujuan menganalisis prinsip-prinsip pemakaian keterangan pendapat pakar menurut fiqh Islam dan perundangan Mahkamah Syariah Malaysia. Unit analisis kajian tertumpu kepada prinsip-prinsip hukum dan perundangan yang mengawal penerimaan, penilaian dan pemakaian keterangan pendapat pakar dalam sistem pembuktian Mahkamah Syariah. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian meneliti sumber-sumber fiqh Islam, peruntukan undang-undang, arahan amalan dan keputusan mahkamah yang berkaitan bagi mengenal pasti persamaan, perbezaan dan hubungan antara kedua-dua sistem.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian doktrinal (*doctrinal legal research*). Pendekatan ini dipilih kerana kajian memfokuskan kepada analisis prinsip-prinsip undang-undang yang terkandung dalam sumber hukum Islam dan perundangan bertulis, tanpa melibatkan pengumpulan data lapangan. Selain itu, pendekatan perbandingan turut digunakan bagi menilai persamaan dan perbezaan prinsip-prinsip pemakaian keterangan pendapat pakar menurut fiqh Islam dan perundangan Mahkamah Syariah Malaysia.

Data kajian diperoleh melalui kaedah kajian kepustakaan (*library research*). Sumber primer terdiri daripada al-Quran, al-Sunnah, kitab-kitab fiqh empat mazhab, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri, Akta Keterangan 1950, arahan amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) serta keputusan-keputusan Mahkamah Syariah dan mahkamah sivil yang berkaitan. Sumber sekunder pula merangkumi buku, artikel jurnal, prosiding persidangan, tesis dan disertasi yang membincangkan undang-undang keterangan, pembuktian dan keterangan pendapat pakar.

Pengumpulan data dilakukan melalui penelitian sistematik terhadap dokumen-dokumen yang berkaitan dengan objektif kajian. Semua bahan dipilih berdasarkan kerelevanan kandungannya dengan konsep, pengemukaan dan prinsip pemakaian keterangan pendapat pakar. Seterusnya, data disusun mengikut tema-tema utama bagi

memudahkan proses perbandingan antara prinsip-prinsip fiqh Islam dengan prinsip-prinsip yang diterima dalam perundangan Mahkamah Syariah Malaysia.

Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) dan analisis perbandingan (*comparative analysis*). Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti tema, konsep dan prinsip yang terdapat dalam sumber-sumber primer dan sekunder, manakala analisis perbandingan digunakan untuk menilai persamaan dan perbezaan antara kedua-dua sistem. Dapatan daripada kedua-dua kaedah ini kemudiannya disintesis untuk menghasilkan suatu analisis yang sistematik terhadap prinsip-prinsip pemakaian keterangan pendapat pakar di Mahkamah Syariah Malaysia.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan prinsip-prinsip pemakaian keterangan pendapat pakar menurut fiqh Islam dan perundangan Mahkamah Syariah Malaysia. Prinsip-prinsip tersebut menjadi asas dalam menentukan penerimaan dan penilaian keterangan pendapat bagi menjamin keadilan serta ketepatan proses pembuktian. Perbincangan adalah seperti berikut:

Prinsip Pemakaian Keterangan Pendapat Pakar Menurut Fiqh Islam

Dalam fiqh Islam, keterangan pendapat yang dikemukakan oleh individu berkepakaran (*al-khabīr*) diterima sebagai *qarīnah* dalam membantu hakim menentukan fakta yang memerlukan pengetahuan khusus. Pemakaiannya hendaklah berasaskan prinsip-prinsip fiqh bagi memastikan keterangan tersebut memenuhi kehendak syarak dan menyokong proses penghakiman yang adil. Prinsip-prinsip tersebut adalah seperti berikut:

Merujuk kepada Orang yang Berkeahlian

Prinsip merujuk kepada orang yang berkeahlian apabila tidak mengetahui merupakan kaedah asas yang berakar daripada pendekatan *ijtihad* dan *istinbāt al-ḥukm* yang teliti serta berautoriti (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2023). Prinsip ini dinyatakan secara jelas dalam al-Qur'an melalui firman Allah SWT:

﴿فَسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya, "Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan jika kamu tidak mengetahui" (al-Quran. Al-Nahl 16: 43; Al-Anbiya' 21: 7).

Dalam perundangan Islam, prinsip ini menjadi asas dalam amalan *rujū' ilā ahli al-khibrah*, iaitu keperluan untuk merujuk kepada mereka yang berkeahlian apabila sesuatu isu berada di luar pengetahuan seseorang, termasuklah seorang hakim. Ia turut disokong oleh kaedah fiqh (al-Zabīdī, 2014):

{أَحْكُمْ عَلَى الشَّيْءِ فَرْعٌ عَنْ تَصَوُّرِهِ}

Maksudnya, "Hukum terhadap sesuatu perkara adalah berdasarkan gambarnya".

Dalam konteks kehakiman, seorang hakim tidak dibenarkan menjatuhkan hukuman terhadap isu-isu teknikal seperti perubatan dan forensik tanpa memahami hakikat sebenar sesuatu perkara secara menyeluruh. Justeru, bantuan daripada pihak ketiga melalui pendapat pakar adalah amat penting dan dilihat sebagai sebahagian daripada proses *istinbāt al-ḥukm* yang sah menurut syarak. Justeru, rujukan mestilah dibuat kepada mereka yang betul-betul mempunyai keahlian dalam sesuatu bidang.

Menerima Keterangan Pendapat Pakar dalam Bentuk *Qarīnah Qawīyyah*

Dalam tradisi fiqh, *ra'y al-khabīr* (pendapat pakar) tidak dikategorikan sebagai *shahādah* (kesaksian), sebaliknya ia dianggap sebagai *qarīnah*, iaitu bukti tidak langsung atau petunjuk yang menyokong sesuatu dakwaan. Namun begitu, tidak semua *qarīnah* memiliki nilai pembuktian yang sama. Untuk diterima di mahkamah, pendapat pakar mestilah

memenuhi syarat-syarat tertentu yang menjadikannya *qarīnah qawīyyah* (petunjuk yang kuat), iaitu bukti sokongan yang kukuh dan diyakini.

Syarat-syarat tersebut meliputi aspek keilmuan pakar, kelayakan yang diiktiraf, pengalaman yang relevan, serta kebolehpercayaan dalam prosedur dan dapatan. Jika pendapat tersebut tidak memenuhi ciri-ciri ini, maka ia hanya dianggap sebagai *qarīnah ḍaʿīfah* (petunjuk yang lemah) dan tidak mencukupi untuk memutuskan sesuatu dakwaan secara sah. Dalam fiqh Islam, *qarīnah qawīyyah* boleh memainkan peranan penting dalam mensabitkan hak atau tanggungjawab, khususnya apabila tiada *bayyinah* atau *shahādah* yang jelas (Lukman & Wan Abdul Fattah, 2012).

Prinsip ini memberi garis panduan penting kepada hakim agar tidak bergantung kepada pendapat yang bersifat *ẓannī* (sangkaan tidak pasti) semata-mata, sebaliknya hanya menerima pendapat pakar yang disokong dengan asas saintifik yang sah, data yang boleh diuji, dan metodologi yang diterima umum dalam bidang berkenaan. Oleh itu, peranan *qarīnah qawīyyah* dalam konteks pembuktian bukan sahaja menambah kredibiliti sistem kehakiman Islam, malah memperlihatkan keseimbangan antara dalil *ʿaqlī* (rasional) dan *naqlī* (wahyu) dalam menegakkan keadilan.

Keterangan Pendapat Pakar dalam Perkara Teknikal atau Saintifik

Prinsip bahawa pendapat pakar hanya terpakai dalam perkara teknikal atau saintifik dan bukan dalam hal hukum syarak yang bersifat *qatʿī* adalah berteraskan pemisahan antara urusan duniawi yang bersifat *ijtihādī* dengan urusan agama yang bersumberkan nas *qatʿī*. Islam mengiktiraf peranan pakar dalam bidang-bidang teknikal dan empirikal seperti perubatan, forensik dan sebagainya, yang mana input mereka diperlukan untuk membantu hakim memahami fakta kes yang kompleks. Prinsip ini disokong oleh sabda Rasulullah SAW:

{أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأَمْرِ دُنْيَاكُمْ}

Maksudnya, “Kamu lebih mengetahui urusan dunia kamu” (Hadis. Muslim. Bab *Wujūb Imtithāl Mā Qālahu Sharʿan Dūna Mā Dhakarahu SAW min Maʿāyish al-Dunyā*. 2363).

Hadis ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW sendiri membezakan antara ilmu yang bersumber daripada wahyu dan ilmu teknikal duniawi yang boleh diputuskan berdasarkan kepakaran manusia. Dalam konteks kehakiman syariah, keterangan pendapat (*raʾy al-khabīr*) hanya boleh digunakan dalam ruang lingkup penilaian fakta yang bersifat teknikal, bukan dalam menetapkan hukum syarak yang jelas berdasarkan nas.

Misalnya, penilaian tahap kecederaan, tahap kewarasan akal, atau penentuan nasab melalui analisis DNA memerlukan kepakaran teknikal, dan di sinilah keterangan pakar memainkan peranan. Namun demikian, keterangan pendapat tersebut tidak boleh dijadikan sandaran tunggal untuk menjatuhkan hukum tanpa terlebih dahulu dipadankan dengan prinsip-prinsip syariah.

Hakim wajib memahami realiti fakta yang dikemukakan oleh pakar terlebih dahulu (*taṣawwur al-masʿalah*), sebelum menilai hukumnya berdasarkan metodologi *istinbāt*. Oleh itu, prinsip ini bukan sahaja membimbing peranan pakar dalam perbicaraan, malah menjadi garis pemisah antara peranan teknikal dan autoriti hukum dalam kerangka perundangan Islam.

Kekuatan Keterangan Diukur Berdasarkan Kualiti, Bukan Kuantiti

Dalam kerangka hukum Islam, kekuatan keterangan tidak diukur berdasarkan bilangan saksi semata-mata, sebaliknya ditentukan oleh kredibiliti, kompetensi, dan kesesuaiannya dengan fakta kes. Prinsip ini dinyatakan dalam kaedah:

{الْعَبْرَةُ لَيْسَتْ بِكَثْرَةِ الْعَدَدِ}

Maksudnya, “Keterangan bukan pada banyaknya bilangan”.¹

Prinsip ini menekankan bahawa keterangan yang berkualiti dan sahih mempunyai nilai yang lebih tinggi berbanding keterangan yang banyak tetapi lemah atau tidak konsisten. Dalam konteks keterangan pakar (*ra’y al-khabīr*), yang merupakan bentuk keterangan *ijtihādiyyah* dan bukan *syahadah*, kekuatan dinilai berdasarkan kepada kredibiliti saksi pakar, kecekapan teknikal, kaedah yang digunakan, dan ketepatannya dalam menyokong fakta, bukannya pada jumlah pakar yang memberi pandangan semata-mata.

Keterangan Pendapat Pakar Tidak Bercanggah dengan Hukum Syarak

Prinsip berkaitan keterangan pendapat hanya diterima jika ia tidak bercanggah dengan hukum syarak merupakan garis panduan penting dalam menentukan kehujahan sesuatu keterangan pakar dalam sistem perundangan Islam. Prinsip ini bersandarkan kepada hadis Nabi SAW:

{مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ}

Maksudnya, “Barang siapa yang melakukan suatu amalan yang tidak berdasarkan urusan (agama) kami, maka amalan tersebut tertolak” (Hadis. Muslim. Bab *Naqḍ al-Aḥkām al-Bāṭilah wa Radd Muḥdathāt al-Umūr*. 1718).

Selain itu, terdapat hadis daripada Aisyah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{مَنْ أَخَذَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ}

Maksudnya, “Sesiapa yang mengadakan sesuatu yang baharu dalam urusan (agama) kami ini yang bukan daripadanya, maka ia tertolak” (Hadis. Muslim. Bab *Naqḍ al-Aḥkām al-Bāṭilah wa Radd Muḥdathāt al-Umūr*. 1718).

Berdasarkan hadis di atas maka timbul kaedah kaedah fiqh seperti berikut (Ibn Rajab, 2002; Jalāl al-Dīn, 1990):

{مَا خَالَفَ الشَّرْعَ فَهُوَ مَرْدُودٌ}

Maksudnya, “Apa yang bertentangan dengan hukum syarak adalah tertolak”.

Dalam fiqh Islam, segala bentuk keterangan (termasuk keterangan pendapat pakar) hendaklah ditimbang berdasarkan kesesuaiannya dengan hukum syarak. Keutamaan diberikan kepada prinsip-prinsip syariah yang telah ditetapkan melalui al-Qur’an, Sunnah, ijma’ dan qiyās. Sekalipun pendapat tersebut datang daripada pakar yang berkeelayakan atau dibuktikan melalui kaedah saintifik yang canggih, ia tidak boleh diterima jika berlawanan dengan ketetapan syarak.

Sebagai contoh, dalam isu penafian nasab, walaupun ujian DNA dapat memberikan bukti saintifik yang kukuh, kaedah syarak telah menetapkan bahawa penafian nasab hanya boleh dilakukan melalui prosedur *li’ān*.² Maka, walaupun DNA menunjukkan ketidakpadanan biologiikal antara bapa dan anak, pendapat pakar itu tertolak sekiranya proses *li’ān* tidak dilaksanakan, kerana ia bercanggah dengan mekanisme pensabitan yang telah ditentukan syarak. Justeru itu, prinsip ini amat penting bagi menjamin integriti hukum Islam dan mengelakkan penerimaan keterangan yang boleh menggugat *maqāṣid al-sharī‘ah*.

¹ Kaedah ini berasaskan maksud ayat al-Qur’an: {كَمْ مِنْ فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِئَةً كَثِيرَةً بِإِذْنِ اللَّهِ} (al-Baqarah 2: 249), yang menunjukkan bahawa kemenangan bukan ditentukan oleh jumlah, tetapi dengan izin dan pertolongan Allah SWT. Lihat: Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, 1:683.

² Rujuk kes *Eddyham Zainuddin Lwn. Rahimah Muhammad* [2014] 3 LNS 4; [2014] SHRU 4

Prinsip Pemakaian Keterangan Pendapat Pakar Menurut Perundangan

Dalam sistem perundangan Mahkamah Syariah, pemakaian keterangan pendapat pakar adalah tertakluk kepada peruntukan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah dan prinsip-prinsip undang-undang keterangan. Prinsip-prinsip ini bertujuan memastikan hanya pendapat yang memenuhi kehendak undang-undang diterima sebagai keterangan. Prinsip-prinsip tersebut adalah seperti berikut:

Keterangan Pendapat Diberikan oleh Individu yang Berkelayakan

Menurut Seksyen 33 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, hanya individu yang memiliki "*kemahiran khusus*" dalam sesuatu bidang melalui pendidikan, latihan atau pengalaman yang meluas dibenarkan memberikan pendapat sebagai pakar. Kelayakan ini memberi nilai kepada keterangan pendapatnya dalam membantu mahkamah memahami fakta teknikal yang berada di luar pengetahuan biasa hakim.

Hal ini selari dengan prinsip bahawa seseorang pakar ialah individu yang mempunyai pengetahuan melebihi orang kebiasaan (*an expert is one whose knowledge goes beyond that of an ordinary person*) (Nico & Reiner, 2011). Bagi saksi pendapat bukan pakar pula, Seksyen 35 hingga 38 memperuntukkan bahawa keterangannya hanya boleh diterima sekiranya beliau memperoleh pengetahuan itu melalui *cara-cara tertentu* atau khusus yang lazim baginya, misalnya pemerhatian berulang, pengalaman langsung, atau kebiasaan yang membolehkan dia memberi pandangan secara sah dan berasas.

Keadaan ini menunjukkan bahawa keterangan bukan pakar juga mempunyai nilai, asalkan ia diperoleh secara sah menurut prinsip pembuktian. Justeru, prinsip ini penting bagi membezakan antara pendapat berautoriti yang layak diterima oleh mahkamah dengan pandangan peribadi yang tidak mempunyai nilai probatif yang mencukupi untuk menyumbang kepada penentuan fakta dalam kes.

Keterangan Pendapat Pakar Hendaklah Berkaitan dengan Fakta Persoalan

Menurut prinsip asas undang-undang keterangan, keterangan pendapat hanya boleh diterima jika ia menyentuh isu fakta (*fact in issue*) atau isu yang berkaitan rapat dengannya, bukan menyatakan keputusan atau penghakiman terhadap sesuatu isu undang-undang. Pendapat yang menyimpang kepada penentuan kesalahan atau tanggungjawab, yang merupakan prerogatif hakim, tidak boleh diterima.

Perkara ini berasaskan prinsip bahawa peranan saksi adalah untuk memberi penerangan atau maklumat, bukan membuat kesimpulan undang-undang (Sudipto & V. R. Manohar, 1993). Pendapat yang melampaui bidang fakta dianggap sebagai menyerahkan tugas kehakiman kepada saksi, dan ini bercanggah dengan asas sistem kehakiman yang berasaskan pembahagian fungsi antara saksi dan hakim.

Keterangan Pendapat Pakar Disokong oleh Asas atau Alasan yang Jelas

Menurut Seksyen 39 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, sesuatu pendapat hanya dianggap sebagai *qarīnah* yang sah sekiranya disertai dengan alasan atau asas yang kukuh (bukan bersifat andaian). Dalam erti kata lain, keterangan pendapat perlu disandarkan kepada justifikasi yang boleh diuji seperti metodologi saintifik, data empirikal, pengalaman profesional, atau rujukan ilmiah.

Pendapat yang hanya berasaskan andaian atau bersifat spekulatif tanpa asas yang boleh disahkan tidak diterima sebagai bukti sah. Hal ini penting kerana objektif utama pembuktian ialah mencapai keyakinan yang mencukupi dalam membuat penentuan fakta. Tambahan pula, prinsip ini juga selari dengan piawaian penerimaan keterangan pakar dalam sistem perundangan *common law* seperti *Daubert standard*, yang menilai kebolehterimaan sesuatu pendapat berdasarkan kebolehujian (*testability*), kebolehhulungan (*repeatability*), dan penerimaan dalam bentuk saintifik (John & Emily, 2024).

Oleh itu, hanya pendapat yang disokong oleh asas yang jelas dan dapat diuji secara empirikal akan dianggap mempunyai nilai probatif yang tinggi. Prinsip ini memastikan bahawa pendapat yang dikemukakan benar-benar membantu mahkamah membuat

keputusan yang adil dan tidak mencemarkan proses perbicaraan dengan pandangan peribadi yang tidak sah.

Kekuatan Keterangan Diukur Berdasarkan Kualiti, Bukan Kuantiti

Salah satu prinsip penting dalam undang-undang keterangan ialah *evidence is to be weighed, not counted*, iaitu kekuatan sesuatu keterangan dinilai berdasarkan ketepatan, konsistensi dan kebolehpercayaannya, bukannya berdasarkan jumlah saksi atau bilangan keterangan yang dikemukakan (Douglas, 2005). Prinsip ini turut diperuntukkan melalui Seksyen 134 Akta Keterangan 1950 (Akta 56) yang menyatakan bahawa tiada bilangan tertentu saksi diperlukan untuk membuktikan sesuatu fakta.

Oleh itu, satu pendapat pakar boleh diterima sebagai mencukupi sekiranya dikemukakan oleh individu yang benar-benar berkelayakan serta disokong oleh metodologi dan alasan yang kukuh. Sebaliknya, pengemukakan beberapa pendapat yang lemah atau tidak meyakinkan tidak semestinya meningkatkan nilai probatif sesuatu keterangan.

Walau bagaimanapun, pendekatan yang diambil oleh Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah adalah sedikit berbeza. Seksyen 33(3) memperuntukkan bahawa dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan jika boleh, manakala keterangan seorang pakar adalah memadai sekiranya tidak terdapat dua orang pakar.

Peruntukan tersebut turut menetapkan bahawa sekiranya dua orang pakar memberikan pendapat yang berlainan, pakar ketiga hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan. Pendekatan ini menunjukkan bahawa undang-undang memberikan perhatian terhadap aspek bilangan pakar sebagai salah satu mekanisme untuk meningkatkan keyakinan mahkamah terhadap keterangan pendapat yang dikemukakan.

Walau bagaimanapun, penulis berpandangan bahawa peruntukan ini wajar dinilai semula dengan mengambil kira perkembangan sains forensik dan bidang kepakaran moden. Penekanan yang lebih besar sewajarnya diberikan kepada kompetensi pakar, ketepatan metodologi dan nilai probatif sesuatu pendapat berbanding bilangan pakar semata-mata. Penilaian semula terhadap Seksyen 33(3) berpotensi memperkukuh lagi sistem pembuktian di Mahkamah Syariah agar lebih selaras dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan amalan kehakiman semasa.

Keterangan Pendapat Pakar Tidak Mengikat Mahkamah

Prinsip asas dalam undang-undang keterangan memperuntukkan bahawa meskipun keterangan pakar boleh diterima oleh mahkamah, ia tidak bersifat mengikat (*not binding*) (Samuel, 1991). Mahkamah mempunyai budi bicara sepenuhnya untuk menilai sama ada pendapat tersebut wajar diterima, ditolak, atau diberi berat tertentu. Keterangan pakar bersifat nasihat teknikal (*advisory*) yang membantu hakim memahami fakta-fakta teknikal atau saintifik dalam kes, namun keputusan muktamad tetap berada dalam bidang kuasa hakim sebagai penilai fakta dan undang-undang (Steven & Michael, 2013).

Penolakan terhadap pendapat pakar boleh berlaku sekiranya ia tidak selaras dengan keterangan lain yang lebih kukuh, atau jika asas dan justifikasinya lemah dari segi metodologi dan bukti sokongan. Mahkamah juga berhak menolak pendapat yang tidak memenuhi standard kelayakan, tidak wujud padanan antara fakta dan kepakaran, atau jika wujud keraguan terhadap integriti pakar tersebut. Oleh itu, penerimaan keterangan pakar bergantung bukan sahaja kepada kelayakan teknikal, tetapi juga kepada kebolehpercayaan dan kesesuaiannya dengan keseluruhan naratif fakta yang dibuktikan dalam perbicaraan.

Analisis Perbandingan Prinsip Pemakaian Keterangan Pendapat Pakar

Analisis terhadap prinsip-prinsip pemakaian keterangan pendapat pakar menunjukkan bahawa fiqh Islam dan perundangan Mahkamah Syariah Malaysia mempunyai asas yang sama dalam mengawal penerimaan keterangan pendapat, namun berbeza dari sudut pendekatan pelaksanaannya. Fiqh Islam membangunkan prinsip-prinsip tersebut

berdasarkan sumber hukum syarak dan kaedah fiqh yang menekankan autoriti ilmu, keadilan serta pencapaian kebenaran dalam proses kehakiman.

Sebaliknya, perundangan Mahkamah Syariah menterjemahkan prinsip-prinsip tersebut ke dalam bentuk peruntukan statut, arahan amalan dan amalan kehakiman bagi memastikan pemakaiannya dapat dilaksanakan secara lebih tersusun dan konsisten. Perbezaan ini menunjukkan bahawa fiqh Islam lebih bersifat substantif, iaitu menetapkan asas dan sempadan penerimaan sesuatu pendapat, manakala perundangan lebih bersifat prosedural, iaitu memperincikan mekanisme pengemukakan, penerimaan dan penilaian keterangan pendapat dalam prosiding mahkamah.

Walaupun pendekatan kedua-dua sistem adalah berbeza, analisis mendapati bahawa kedua-duanya saling melengkapi dalam membentuk kerangka pemakaian keterangan pendapat pakar di Mahkamah Syariah Malaysia. Fiqh Islam menekankan bahawa kekuatan sesuatu pendapat bergantung kepada autoriti ilmu, kewibawaan pakar dan kesesuaiannya dengan hukum syarak, manakala perundangan memberi penekanan kepada aspek kerelevanan, kompetensi pakar dan prosedur pembuktian.

Perbezaan ini turut dapat dilihat dalam isu bilangan pakar, di mana fiqh Islam tidak menetapkan bilangan tertentu, sebaliknya menilai kekuatan sesuatu pendapat berdasarkan nilai probatifnya. Sebaliknya, Seksyen 33(3) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah memperuntukkan mekanisme tertentu berkaitan bilangan pakar dalam keadaan tertentu.

Berdasarkan dapatan tersebut, kajian ini berpandangan bahawa penilaian terhadap keterangan pendapat pakar sewajarnya lebih menumpukan kepada kualiti, kebolehpercayaan dan metodologi yang digunakan berbanding bilangan pakar semata-mata. Pendekatan sedemikian bukan sahaja lebih selaras dengan perkembangan bidang kepakaran moden, malah menepati objektif fiqh Islam dalam menegakkan keadilan melalui pembuktian yang diyakini.

Jadual 1: Analisis Perbandingan Prinsip Pemakaian Keterangan Pendapat Pakar

Aspek	Fiqh Islam	Perundangan Mahkamah Syariah	Dapatan Analisis
Asas pembentukan prinsip	Al-Quran, al-Sunnah, ijmak, qiyas dan fiqh	Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, arahan amalan dan amalan kehakiman	Perundangan dibangunkan berasaskan prinsip fiqh dan diterjemahkan dalam bentuk statut.
Fokus utama	Prinsip substantif	Prinsip prosedural	Kedua-duanya saling melengkapi dalam mengawal pemakaian keterangan pendapat pakar.
Kepakaran	<i>Ahl al-khibrah</i>	Individu yang mempunyai kemahiran khusus	Kedua-duanya mengiktiraf kepakaran sebagai syarat asas penerimaan pendapat.
Penilaian pendapat	Autoriti ilmu dan kekuatan hujah	Kerelevanan, kompetensi dan nilai probatif	Kedua-duanya menilai kekuatan pendapat berdasarkan kebolehpercayaannya.
Bilangan pakar	Tiada bilangan tertentu ditetapkan	Seksyen 33(3) memperuntukkan mekanisme tertentu berkaitan bilangan pakar	Terdapat perbezaan pendekatan yang membuka ruang kepada penilaian semula peruntukan sedia ada selaras dengan perkembangan bidang kepakaran moden.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa keterangan pendapat pakar merupakan salah satu kaedah pembuktian yang mempunyai kedudukan penting dalam sistem kehakiman Islam dan

perundangan Mahkamah Syariah Malaysia, khususnya dalam menyelesaikan persoalan yang memerlukan pengetahuan atau kemahiran khusus.

Analisis terhadap fiqh Islam mendapati bahawa pemakaian keterangan pendapat pakar dibina berasaskan beberapa prinsip utama, antaranya keperluan merujuk kepada orang yang berkeahlian, penerimaan pendapat sebagai *qarīnah qawīyyah*, penggunaan dalam perkara yang memerlukan kepakaran teknikal atau saintifik, penekanan terhadap kekuatan sesuatu pendapat serta keperluan supaya pendapat tersebut tidak bercanggah dengan hukum syarak.

Analisis terhadap perundangan Mahkamah Syariah Malaysia pula menunjukkan bahawa prinsip-prinsip tersebut diterjemahkan melalui peruntukan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, arahan amalan dan perkembangan amalan kehakiman bagi memastikan pengemukaan serta penilaian keterangan pendapat pakar dilaksanakan secara teratur dan adil.

Kajian ini turut memperlihatkan bahawa prinsip-prinsip fiqh Islam dan perundangan Mahkamah Syariah Malaysia tidak bersifat bercanggah, sebaliknya saling melengkapi dalam membentuk suatu kerangka pemakaian keterangan pendapat pakar yang lebih komprehensif. Fiqh Islam menyediakan asas yang menentukan sempadan penerimaan sesuatu pendapat, manakala perundangan memperincikan mekanisme pelaksanaannya dalam proses pembuktian.

Sumbangan utama kajian ini ialah menghimpunkan dan mensistematikkan prinsip-prinsip tersebut melalui analisis perbandingan antara kedua-dua sistem, sekali gus menawarkan suatu kerangka analisis yang dapat dijadikan panduan oleh hakim, pengamal undang-undang, pegawai penguat kuasa dan penyelidik dalam menilai pemakaian keterangan pendapat pakar di Mahkamah Syariah Malaysia. Kerangka ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan konsistensi penghakiman serta memperkukuh integriti sistem pembuktian di Mahkamah Syariah.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan. Analisis hanya tertumpu kepada sumber fiqh Islam, peruntukan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, arahan amalan dan keputusan-keputusan mahkamah yang berkaitan, tanpa melibatkan kajian empirikal terhadap amalan sebenar dalam prosiding Mahkamah Syariah. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan dengan melibatkan temu bual bersama hakim syarie, pegawai syariah, pengamal undang-undang dan saksi pakar bagi menilai pelaksanaan prinsip-prinsip tersebut dalam amalan.

Selain itu, penyelidikan pada masa hadapan juga boleh memberi tumpuan kepada bidang-bidang kepakaran tertentu seperti forensik digital, analisis DNA, psikologi forensik dan kewangan Islam bagi membangunkan garis panduan yang lebih khusus mengenai pemakaian keterangan pendapat pakar dalam pelbagai kategori kes di Mahkamah Syariah Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Basir Mohamad & Nurbazla Ismail. (2021). Role of Forensic Evidence in Upholding Justice: Exploring Islamic Law and the Experience of Syariah Courts in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 29(2), 1091-1104.
- Ahmad Fathī Bahansī. (1962). *Naẓariyyah al-Itḥbāt. al-‘Arabiyyah li al-Ṭibā‘ah*, Qāhirah.
- Ahmad Ibrahim. (1996). Perkembangan Terkini Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah. *Kertas Kerja Bengkel Kebangsaan Undang-undang Keterangan di Mahkamah Syariah*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Akta Keterangan 1950 (Akta 56).
- Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl. (2000). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*. Suntingan Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh. Dār al-Salām, Riyāḍ.
- al-Zabīdī, Balqāsīm bin Zakīr bin Muḥammad. (2014). *Al-Ijtihād fī al-Manāṭ al-Ḥukm al-Shar‘ī*. Markaz al-Takwīn li al-Dirāsāt wa al-Abḥāth.

- Athirah Mahussin, Nurbazla Ismail & Abdul Basir Mohamad. (2021). Asas Forensik dalam Islam Berdasarkan Sejarah dan Elemen. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 6(1), 1-8.
- Habibah Omar, Siva Barathi Marimuthu & Mazlina Mahali. (2015). *Law of Evidence in Malaysia*. Sweet & Maxwell, Subang Jaya.
- Ibn Farhūn, Muḥammad bin Aḥmad. (1995). *Tabsirah al-Ḥukkām fī Uṣūl al-Aqdiyah wa Manāhij al-Aḥkām*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Shams al-Dīn Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Abī Bakr Ayyūb. (1995). *Ṭuruq al-Ḥukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar‘iyyah*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut.
- Ibn Rajab al-Ḥanbalī. (2002). *Al-Qawā‘id al-Fiqhiyyah*. Suntingan Ṭāriq Fuwād Ḥāmid. Dār al-Ṣumay‘ī, al-Riyāḍ.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2020). *Arahan Amalan No. 4 Tahun 2020: Pengemukaan Bukti Forensik dalam Prosiding di Mahkamah Syariah*.
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. (2004). *Pengenalan Undang-undang Keterangan di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī. (1990). *Al-Ashbāh wa al-Nazā‘ir*. Suntingan Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut.
- John E. Kurtz & Emily M. Pintarelli. (2024). The Daubert Standards for Admissibility of Evidence Based on the Personality Assessment Inventory. *Psychological Injury and Law*, 17(2), 105-116.
- Kes Eddyham Zainuddin Lwn. Rahimah Muhamad [2014] 3 LNS 4; [2014] SHRU 4
- Kes Khaw Cheng Bok & Ors v Khaw Cheng Poon & Ors (1998) 3 MLJ 457.
- Lukman Abdul Mutalib & Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2012). *Al-Qarinah: Antara Kekuatan dan Keperluan dalam Mensabitkan Kesalahan Jenayah (Zina)*. *International Journal of Islamic Thought*, 2, 38-54.
- Lukman Abdul Mutalib, Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Abd Hamid Abd Murad. (2018). *Al-Qarinah Dalam Hukum Hudud*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mahmud Saedon A. Othman. (2003). *Undang-undang Keterangan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohamad Azhan Yahya, Ahmad Azam Mohd Shariff, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Mohamad Rizal Abd Rahman, Mohd Sabree Nasri & Tuan Muhammad Faris Hamzi Tuan Ibrahim. (2026). Peranan Keterangan Pakar dalam Pembuktian Kes Mahkamah Syariah: Analisis Berdasarkan Qarinah dan Maqasid al-Syari‘ah. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 14(1), 215-229.
- Mohd Sabree Nasri & Ruzman Md Noor. (2020). Kategori Keterangan Pendapat Pakar di Mahkamah Syariah: Isu dan Cadangan Pelaksanaan Undang-undang. *Journal of Shariah Law Research*, 5(1), 35-54.
- Mohd Sabree Nasri & Ruzman Md Noor. (2021). Pemakaian Keterangan Pendapat Pakar Sebagai Kaedah Pembuktian di Mahkamah Syariah: Isu dan Cabaran. *Jurnal 'Ulwan*, 6(1), 172-190.
- Mohd Sabree Nasri & Ruzman Md Noor. (2024). Kedudukan Keterangan Pendapat Mufti Menurut Undang-undang Keterangan di Malaysia: Adakah Sebagai Pakar? *Journal of Shariah Law Research*, 9(2), 185-206.
- Mohd Sabree Nasri, Ruzman Md Noor, Abdul Karim Ibrhim, Mohamad Afandi Md Ismail & Mohamad Azhan Yahya. (2024). Kebolehterimaan Keterangan Pendapat Pakar Psikologi Sebagai Kaedah Pembuktian di Mahkamah Syariah. *Jurnal Sains Sosial*, 9(1), 73-89.
- Muhammad Hazim Ahmad, Ahmad Syukran Baharuddin, Mohamad Anwar Zakaria, Noraishah Nordin, Siti Khadijah Ishak & Nur Khairina Othaman. (2020). *Bukti Saintifik dan Penerimaannya di Mahkamah Syariah: Analisis Perundangan bagi Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah*. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 32(1), 67-92.

- Muhammad Hazim Ahmad, Ruqayyah Razak, Nurul Syahirah Saharudin, Badhlhisham Mohd Nasir & Ahmad Syukran Baharuddin. (2019). Analisis Awal Terhadap Isu-Isu Kebolehterimaan Asid Deoksiribonukleik (DNA) Sebagai Bahan Bukti di Mahkamah Syariah. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN)*, 6(2), 165-181.
- Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī. (2000). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*. Suntingan Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh. Dār al-Salām, Riyāḍ.
- Nico Stehr & Reiner Grundmann. (2011). *Experts: The Knowledge and Power of Expertise*. Routledge, London.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2023, 22 Disember). Irsyad Usul Fiqh Siri Ke-74: Kaedah dan Peringkat Pengeluaran Fatwa. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-usul-fiqh/5814-irsyad-usul-fiqh-siri-ke-74-kaedah-dan-peringkat-pengeluaran-fatwa> (diakses pada 26 Mei 2025).
- Ruzman Md. Noor. (2012). Kajian Semula Terhadap Undang-undang Keterangan Islam. Dalam Siti Shamsiah Md. Supi (Pnyt.), *Korpus Undang-undang Islam di Malaysia: Semakan & Cabaran* (84-99). Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- Ruzman Md. Noor. (2015). Ruang-Ruang Penting Penambahbaikan Undang-Undang Keterangan. Makalah Persidangan Meja Bulat Pengharmonian Undang-Undang: Kajian Undang-Undang Bertulis, Institut Kefahaman Islam Malaysia, 18-19 November 2015.
- Samuel R. Gross. (1991). Expert Evidence. *Wisconsin Law Review*, 1991(5), 1113-1232.
- Shofian Ahmad. (2019). Sabitan Nasab Melalui Qiyafah. Dalam Siti Zalikah Md. Nor (Pnyt.), *Al-Syariah Jilid 3: Undang-undang Keterangan Islam (Edisi Ke-2)* (117-118). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Steven E. Stark & Michael J. Saks. (2013). *Expert Testimony: Law and Practice*. Dalam Steven E. Stark & Michael J. Saks (Pnyt.), *Forensic Epidemiology* (85-102). Academic Press, London.
- Sudipto Sarkar & V. R. Manohar. (1993). *Sarkar on Evidence (Edisi Ke-14)*. Wadhwa and Company Law Publishers, India.
- Syazwan Mohd Yusof, Ramalinggam Rajamanickam & Asma Hakimah Ab. Halim. (2021). Kedudukan Keterangan Forensik dari Sudut Fiqh. *ISLĀMIYYĀT*, 43(Isu Khas), 55-66.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Aspalilah Alias & Ahmad Syukran Baharuddin. (2021). *Pendapat Pakar Pergigian (Forensik Odontologi): Menurut Undang-undang Keterangan Islam*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.